

Majlis Perasmian Program Kecemerlangan & Kecergasan Pegawai-Pegawai MADA 2019 (11 April 2019)

Majlis Perasmian Program Kecemerlangan & Kecergasan Pegawai-Pegawai MADA 2019. Acara pembukaan di Ibu Pejabat MADA dimulakan dengan perarakan masuk tujuh kontinjen perbarisan didahului pancaragam dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma. Penganjuran program ini untuk menggalakkan semua kakitangan MADA mengamalkan budaya hidup cergas dan aktif bagi menyumbang kepada pembinaan negara yang lebih baik.



Karnival Liga Sukan MADA ini telah berlangsung selama 6 hari bermula 7 April hingga 12 April 2019. Melihat akan objektif utama karnival ini, ianya bukanlah semata-mata untuk mencari kemenangan dan kejuaraan, namun carnival sukan ini dilihat sebagai platform untuk memupuk semangat kerja berpasukan selain mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara semua warga MADA khususnya.





Kata Pengurus Besar, “Dua elemen penting ini iaitu kerjasama berpasukan dan engagement (hubungan baik) merupakan strategi terbaik yang boleh diterjemahkan dalam melaksanakan tugas seharian yang diamanahkan kepada kita sebagai penjawat awam. Bekerja secara silo mungkin tidak lagi relevan di zaman ini dan kita selaku agensi pertanian yang terbesar di negeri Kedah perlu lebih menumpukan kepada kerja secara berpasukan agar segala misi dan visi yang dirancang dapat dicapai, sepertimana pepatah melayu lama “sepakat membawa berkat”.

